



30 Julai 2025
30 July 2025
P.U. (A) 222

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PENGANGKUTAN JALAN
(KESALAHAN YANG DIRAKAM MELALUI KAMERA)
(PINDAAN) 2025

*ROAD TRANSPORT (CAMERA-RECORDED OFFENCES)
(AMENDMENT) RULES 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH PENGANGKUTAN JALAN
(KESALAHAN YANG DIRAKAMKAN MELALUI KAMERA) (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 53A Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Kesalahan yang Dirakamkan Melalui Kamera) (Pindaan) 2025**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 31 Ogos 2025.

Penggantian kaedah 2

2. Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Kesalahan yang Dirakamkan Melalui Kamera) 2012 [*P.U. (A) 309/2012*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dengan menggantikan kaedah 2 dengan kaedah yang berikut:

“Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“depoh” ertinya suatu tempat untuk memproses imej yang dirakamkan melalui kamera mudah alih;

“orang kompeten” ertinya mana-mana orang atau badan yang dilantik oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan apa-apa ujian dan penentukuran kelengkapan kamera bagi sistem pengecaman plat nombor automatik;

“sistem pengecaman plat nombor automatik” ertinya suatu sistem untuk mengenal pasti, menganalisis dan merekodkan nombor pendaftaran suatu kenderaan motor;

“sistem penimbang semasa bergerak elektronik atau berkomputer” ertinya suatu sistem untuk menimbang, mengenal pasti dan merekodkan berat dengan muatan suatu kenderaan motor semasa kenderaan motor itu sedang bergerak di atas jalan.”.

Pindaan kaedah 4

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 4 dengan kaedah yang berikut:

“Sistem pengesan

4. (1) Sistem pengesan yang digunakan bagi maksud kesalahan yang dirakamkan melalui kamera berhubung dengan—

(a) penggunaan suatu kamera statik hendaklah terdiri daripada semua atau mana-mana kelengkapan yang berikut:

- (i) gelung induktif;
- (ii) jaluran piezo;
- (iii) radar;
- (iv) laser;
- (v) inframerah;
- (vi) kilauan kamera;
- (vii) sensor untuk menimbang berat dengan muatan suatu kenderaan motor dan untuk merekodkan kehadiran suatu kenderaan motor; dan
- (viii) sistem pengecaman plat nombor automatik yang terdiri daripada sistem pemprosesan maklumat dan penggunaan kamera statik.

(b) penggunaan suatu kamera mudah alih hendaklah terdiri daripada semua atau mana-mana kelengkapan yang berikut:

- (i) radar;
- (ii) laser;
- (iii) inframerah;
- (iv) kilauan kamera; dan
- (v) sistem pengecaman plat nombor automatik yang terdiri daripada sistem pemprosesan maklumat dan penggunaan kamera mudah alih.

(2) Bagi maksud kamera statik, gelung induktif, jaluran piezo dan sensor untuk menimbang berat dengan muatan suatu kenderaan motor dan merekodkan kehadiran suatu kenderaan motor hendaklah dipasang pada mana-mana jalan untuk mengesan mana-mana kesalahan yang dirakamkan melalui kamera.

(3) Bagi maksud kamera mudah alih, seseorang pegawai polis atau pegawai pengangkutan jalan hendaklah mengaktifkan radar, laser atau sensor untuk merekodkan apa-apa kesalahan yang dirakamkan melalui kamera.”.

Pindaan kaedah 7

4. Kaedah 7 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas subkaedah (2) subkaedah yang berikut:

“(3) Walau apa pun subkaedah (1), jika pemunya berdaftar kenderaan motor melakukan suatu kesalahan yang dirakamkan melalui kamera berhubung dengan kesalahan memandu atau membenarkan dipandu suatu kenderaan motor yang berat dengan muatan kenderaan motor itu melebihi had berat maksimum dengan muatan yang dibenarkan, seseorang pegawai pengangkutan jalan boleh, sebagai ganti membuat permohonan kepada mahkamah untuk mendapatkan saman, menyampaikan suatu notis yang

dinyatakan dalam Jadual Keempat A mengikut cara penyampaian dalam seksyen 118 Akta.”.

Pindaan Jadual Pertama

5. Jadual Pertama kepada Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) unit pemprosesan utama kamera statik dan kamera mudah alih hendaklah berupaya untuk—

(i) mengukur data kelajuan kenderaan;

(ii) mengenal pasti laluan, lokasi, tarikh, masa dan koordinat kenderaan motor yang melakukan mana-mana kesalahan yang dirakamkan melalui kamera; dan

(iii) merakamkan imej, mengenal pasti, menganalisis dan merekodkan maklumat nombor pendaftaran kenderaan motor,

dari arah yang sama atau arah bertentangan kenderaan itu;”;

(b) dalam perenggan (d), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;

(c) dalam perenggan (e), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan

(d) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:

“(f) unit pemprosesan utama kamera statik dan kamera mudah alih yang dipasang bersama sistem penimbang semasa bergerak elektronik atau berkomputer yang terdiri daripada gabungan

sistem pengecaman plat nombor automatik, sensor gelung induktif dan sensor penimbang semasa bergerak termasuk apa-apa peralatan dan teknologi lain hendaklah boleh mengesan, merekodkan kesalahan dan merakamkan imej yang jelas keseluruhan kenderaan dari arah hadapan, belakang, sisi kanan dan sisi kiri dan imej yang jelas nombor pendaftaran kenderaan dari pandangan hadapan dan belakang kenderaan itu.”.

Pindaan Jadual Kedua

6. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan jadual yang berikut:

“JADUAL KEDUA
[Subkaedah 5(2)]

UJIAN DAN PENENTUKURAN BAGI KAMERA STATIK DAN KAMERA MUDAH ALIH

Bahagian I: Ujian dan penentukuran bagi kamera statik dan kamera mudah alih bagi kesalahan memandu melebihi had laju yang ditetapkan dan tidak mematuhi isyarat merah pada isyarat lalu lintas

Kamera statik dan kamera mudah alih hendaklah diuji dan ditentukan mengikut prosedur yang berikut:

- (a) ujian dan penentukuran bagi suatu kamera statik dan kamera mudah alih boleh dijalankan di mana-mana lokasi kamera itu dipasang, di mana-mana depoh pemprosesan atau di mana-mana tempat yang diluluskan oleh Ketua Pengarah atau Ketua Pegawai Polis;
- (b) cara bagi ujian dan penentukuran hendaklah mengikut piawaian antarabangsa menurut prosedur sebagaimana yang ditentukan oleh Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 9 Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007 [Akta 675] yang

berhubungan dengan ketepatan speedometer, alat pengukur yang tepat atau kelajuan setara kenderaan motor;

- (c) ujian dan penentukuran disifatkan sebagai tepat jika nilai yang diukur adalah dalam selisih yang dibenarkan 3km/j bagi kelajuan kurang daripada 100km/j dan dalam selisih yang dibenarkan tiga peratus bagi kelajuan lebih daripada 100km/j;
- (d) saiz sampel atau ujian keberterusan bagi maksud ketepatan hendaklah dijalankan—
 - (i) berhubung dengan kamera statik, lebih daripada lima kali; atau
 - (ii) berhubung dengan kamera mudah alih, lebih daripada sepuluh kali;
- (e) seorang pekhidmat awam yang merupakan seorang jurutera elektrik atau jurutera mekanik hendaklah memperakui keputusan ujian dan penentukuran itu dalam suatu perakuan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga; dan
- (f) perakuan yang disebut dalam perenggan (e) hendaklah sah bagi tempoh dua belas bulan dari tarikh perakuan itu dikeluarkan melainkan jika kamera statik atau kamera mudah alih itu dibaiki atau mana-mana komponennya diganti disebabkan oleh pembaikan utama atau pengubahsuaian yang boleh menjejaskan penentukuran atau ketepatan kamera dalam tempoh itu.

Bahagian II : Ujian dan penentukuran bagi kamera statik dan kamera mudah alih yang digunakan dalam sistem penimbang semasa bergerak elektronik atau berkomputer

Kamera statik dan kamera mudah alih yang digunakan dalam sistem penimbang semasa bergerak elektronik atau berkomputer hendaklah diuji dan ditentukur mengikut prosedur yang berikut:

- (a) ujian dan penentukuran hendaklah dijalankan—
- (i) berhubung dengan kamera statik, di lokasi kamera itu dipasang; atau
 - (ii) berhubung dengan kamera mudah alih, di mana-mana depoh atau mana-mana tempat yang diluluskan oleh Ketua Pengarah;
- (b) orang kompeten hendaklah memperakui keputusan ujian dan penentukuran itu dalam suatu perakuan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga;
- (c) cara bagi ujian dan penentukuran kamera statik dan kamera mudah alih hendaklah mengikut prosedur antarabangsa atau domestik yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah;
- (d) perakuan yang disebut dalam perenggan (b) hendaklah sah bagi tempoh dua belas bulan dari tarikh perakuan itu dikeluarkan melainkan jika kamera statik atau kamera mudah alih itu dibaiki atau mana-mana komponennya diganti disebabkan oleh pembaikan utama atau pengubahsuaian yang boleh menjejaskan penentukuran atau ketepatan kamera dalam tempoh itu; dan
- (e) sistem penimbang semasa bergerak elektronik atau berkomputer yang dioperasikan dengan kamera hendaklah diuji dan ditentukur mengikut prosedur sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kesembilan Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Timbang) 1990 [*P.U. (A) 466/1990*].

Bahagian III : Ujian dan penentukuran bagi kamera statik dan kamera mudah alih yang digunakan dalam sistem pengecaman nombor plat automatik

Kamera statik dan kamera mudah alih yang digunakan dalam sistem pengecaman nombor plat automatik hendaklah diuji dan ditentukur mengikut prosedur yang berikut:

- (a) ujian dan penentukuran hendaklah dijalankan—
- (i) berhubung dengan kamera statik, di lokasi kamera itu dipasang; atau
 - (ii) berhubung dengan kamera mudah alih, di mana-mana depoh atau mana-mana tempat yang diluluskan oleh Ketua Pengarah;
- (b) orang kompeten hendaklah memperakui keputusan ujian dan penentukuran itu dalam suatu perakuan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga;
- (c) cara bagi ujian dan penentukuran kamera statik dan kamera mudah alih hendaklah mengikut prosedur antarabangsa atau domestik yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah;
- (d) perakuan yang disebut dalam perenggan (b) hendaklah sah bagi tempoh dua belas bulan dari tarikh perakuan itu dikeluarkan melainkan jika kamera statik atau kamera mudah alih itu dibaiki atau mana-mana komponennya diganti disebabkan oleh pembaikan utama atau pengubahsuaian yang boleh menjejaskan penentukuran atau ketepatan kamera dalam tempoh itu.”.

Pindaan Jadual Ketiga

7. Jadual Ketiga kepada Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “jurutera elektrik/mekanik” perkataan “/orang kompeten yang dilantik oleh Ketua Pengarah”.

Jadual baharu Keempat A

8. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Keempat jadual yang berikut:

Tempat Kesalahan:

Tarikh:

Masa:

Berat Dengan Muatan yang Dibenarkan:

Berat Dengan Muatan yang Dikesan:

Jumlah dan Peratus Lebihan Berat:

Kesalahan:


MEMANDU ATAU MEMBENARKAN PEMANDUAN KENDERAAN MOTOR YANG BERAT DENGAN MUATANNYA MELEBIHI HAD MAKSIMUM BERAT MUATAN YANG DIBENARKAN

Kesalahan ini ialah kesalahan boleh kompaun dan kamu boleh membayar kompaun sebanyak RM..... pada atau sebelum


ATAU

Jika kompaun tidak dibayar dalam tempoh yang diberikan, KAMU DENGAN INI DIPERINTAHKAN supaya hadir sendiri atau melalui peguam di hadapan Majistret di Mahkamah pada jam..... *pagi/petang.

HADAPAN



SISI



BELAKANG



Sijil/Tiket Timbang Berat Kenderaan
 Di bawah perenggan 117(6)(b)
 Akta Pengangkutan Jalan 1987

SJ. HS-WiM:.....

Lokasi Laluan Penimbang:

No. Siri Mesin:

Tarikh Tentu Ukur:

Tarikh Timbang:

Masa Timbang:

No. Pendaftaran Kenderaan:

No. Treler:

Berat Dengan Muatan BDM (Lesen):

Kelas Kenderaan:

Bilangan Gandar (Jumlah Gandar yang Ditimbang)	Berat Gandar (KG)
Jumlah Berat Dengan Muatan Keseluruhan yang Direkod:	
Jumlah dan Peratus Lebihan Berat:	

No. Rujuk Lesen/Fail Lesen:

Jenis/Kelas Kenderaan:

Tarikh dikeluarkan:

Masa:

.....
 *Pengarah Penguatkuasa”.

Dibuat 9 Julai 2025
[MOT.BD.(S).600-1/3/2 Jld. 2(10); PN(PU2)460/JLD.138]

LOKE SIEW FOOK
Menteri Pengangkutan

ROAD TRANSPORT ACT 1987

ROAD TRANSPORT (CAMERA-RECORDED OFFENCES) (AMENDMENT) RULES 2025

IN exercise of the powers conferred by section 53A of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Road Transport (Camera-Recorded Offences) (Amendment) Rules 2025**.

(2) These Rules come into operation on 31 August 2025.

Substitution of rule 2

2. The Road Transport (Camera-Recorded Offences) Rules 2012 [*P.U. (A) 309/2012*], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended by substituting for rule 2 the following rule:

“Interpretation

2. In these Rules, unless the context otherwise requires—

“depot” means a place to process image recorded through mobile camera;

“competent person” means any person or body appointed by the Director General to carry out any test and calibration of the camera equipment for the automatic number plate recognition system;

“automatic number plate recognition system” means a system to identify, analyse and record the registration number of a motor vehicle;

“computerized or electronic weigh in-motion system” means a system to weigh, identify and record laden weight of a motor vehicle while the motor vehicle is moving on the road.”.

Amendment of rule 4

3. The principal Rules are amended by substituting for rule 4 the following rule:

“Detector System

4. (1) A detector system used for the purposes of camera-recorded offences in relation to—

(a) the use of a static camera shall consist of all or any of the following equipment:

- (i) inductive loop;
- (ii) piezo lines;
- (iii) radar;
- (iv) laser;
- (v) infrared;
- (vi) camera flash;
- (vii) sensor to weigh the laden weight of a motor vehicle and to record the presence of a motor vehicle; and
- (viii) automatic plate number recognition system which consists of information processing system and the use of static camera.

(b) the use of a mobile camera shall consist of all or any of the following equipment:

- (i) radar;
- (ii) laser;
- (iii) infrared;
- (iv) camera flash; and
- (v) automatic plate number recognition system which consists of information processing system and the use of mobile camera.

(2) For the purposes of a static camera, inductive loop, piezo lines and sensor to weigh the laden weight of a motor vehicle and to record the presence of motor vehicle shall be installed on any road to detect any camera-recorded offences.

(3) For the purposes of mobile camera, a police officer or a road transport officer shall activate the radar, laser or sensor to record any camera-recorded offences.”.

Amendment of rule 7

4. Rule 7 of the principal Rules is amended by inserting after subrule (2) the following subrule:

“(3) Notwithstanding subrule (1), if the registered owner of a motor vehicle commits a camera-recorded offence in relation to the offence of driving or permitting to be driven a motor vehicle which the laden weight of the motor vehicle exceeds the maximum permissible laden weight, a road transport officer may, in lieu of applying to the court for a summons, serve a notice as specified in the Fourth A Schedule in accordance with the form of service in section 118 of the Act.”.

Amendment of First Schedule

5. The First Schedule to the principal Rules is amended—

(a) by substituting for paragraph (b) the following paragraph:

“(b) the main processing unit of the static and mobile camera shall be able to—

(i) measure the speed data of the motor vehicle;

(ii) identify the lane, location, date, time and coordinate of the motor vehicle committing any of the camera recorded offences; and

(iii) record the image, identify, analyse and record the registration number of the motor vehicle,

from the same direction or opposite direction of the motor vehicle;”;

(b) in paragraph (d), by deleting the word “and” at the end of the paragraph;

(c) in paragraph (e), by substituting for the full stop at the end of the paragraph the words “; and”; and

(d) by inserting after paragraph (e) the following paragraph:

“(f) the main processing unit of the static and mobile camera installed with the computerized or electronic weigh in-motion system which consist of the combination of an automatic number plate recognition system, inductive loop sensor and weigh in-motion sensor including any other equipment or technology shall be able to detect, record the offences and record a clear image of the whole vehicles from the front, rear, right and left sides and a clear image of the registration number of the vehicle from the front and rear views of the vehicle.”.

Amendment of Second Schedule

6. The principal Rules are amended by substituting for the Second Schedule the following schedule:

“SECOND SCHEDULE

[Subrule 5(2)]

TEST AND CALIBRATION FOR STATIC CAMERA AND MOBILE CAMERA

Part I: Test and calibration of a static camera and mobile camera for the offence of driving exceeding the prescribed speed limit and not complying the red signal at the traffic sign

The static camera and mobile camera shall be tested and calibrated in accordance with the following procedures:

- (a) the test and calibration for a static camera and mobile camera may be conducted at any location the camera is installed, at any processing depot or at any place approved by the Director General or Chief Police Officer;
- (b) the method for test and calibration shall be in accordance with the international standards pursuant to procedures as determined by the National Measurement Standards Laboratory established under section 9 of the National Measurement System Act 2007 [Act 675] relating to the motor vehicle's speedometer accuracy, precise measuring tools or equivalent speed;
- (c) the test and calibration are deemed as accurate if the measured values are within the permissible error of 3km/h for speed less than 100km/h and within the permissible error of three percent for speed more than 100km/h;
- (d) a sample size for continuity test for the purpose of accuracy shall be conducted—
 - (i) in relation to a static camera, more than five times; or
 - (ii) in relation to a mobile camera, more than ten times;
- (e) a public servant who is an electrical engineer or a mechanical engineer shall certify the results of such test and calibration in a certificate as specified in the Third Schedule; and
- (f) the certificate referred to in paragraph (e) shall be valid for a period of twelve months from the date the certificate is issued unless the static camera or mobile camera is repaired or any of its components are replaced

due to major repairs or modifications that may affect the calibration or accuracy of the camera within such period.

Part II: Test and calibration of a static camera and mobile camera used in computerized or electronic weigh in-motion system

The static camera and mobile camera used in computerized or electronic weigh in-motion system shall be tested and calibrated in accordance with the following procedures:

- (a) the test and calibration shall be conducted—
 - (i) in relation to a static camera, at the location the camera is installed;
or
 - (ii) in relation to a mobile camera, at any depot or at any place approved by the Director General;
- (b) the competent person shall certify the results of such test and calibration in a certificate as specified in the Third Schedule;
- (c) the method of test and calibration of a static camera and mobile camera shall be in accordance with the international or domestic procedures approved by the Director General;
- (d) the certificate referred to in paragraph (b) shall be valid for a period of twelve months from the date the certificate is issued unless the static camera or mobile camera is repaired or any of its components are replaced due to major repairs or modifications that may affect the calibration or accuracy of the camera within such period; and
- (e) the computerized or electronic weigh in-motion system operated with the camera shall be tested and calibrated in accordance to the procedures as prescribed under the Ninth Schedule of the Motor Vehicles (Weighing) Rules 1990 [*P.U. (A) 466/1990*].

Part III: Test and calibration of a static camera and mobile camera used in an automatic number plate recognition system

The static camera and mobile camera used in an automatic number plate recognition system shall be tested and calibrated in accordance with the following procedures:

- (a)* the test and calibration shall be conducted—
 - (i)* in relation to a static camera, at the location the camera is installed;
or
 - (ii)* in relation to a mobile camera, at any depot or at any place approved by the Director General;
- (b)* the competent person shall certify the results of such test and calibration in a certificate as specified in the Third Schedule;
- (c)* the method for test and calibration of the static camera and mobile camera shall be in accordance with the international or domestic procedures approved by the Director General;
- (d)* the certificate mentioned in paragraph *(b)* shall be valid for a period of twelve months from the date the certificate is issued unless the static camera or mobile camera is repaired or any of its components are replaced due to major repairs or modifications that may affect the calibration or accuracy of the camera within the period.”.

Amendment of Third Schedule

7. The Third Schedule to the principal Rules is amended by inserting after the words “electrical engineer/mechanical engineer” the words “/competent person appointed by the Director General”.

New Fourth A Schedule

8. The principal Rules are amended by inserting after the Fourth Schedule the following schedule:

“FOURTH A SCHEDULE
[Subrule 7(3)]

NOTICE

DISTRICT CODE			

NOTICE

ROAD TRANSPORT ACT 1987
ROAD TRANSPORT (CAMERA-RECORDED OFFENCES) RULES 2012

Name:

.....

Identity Card Number/Company No.:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Address:

.....
.....
.....

Motor Vehicle Registration Number:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Type of Model Vehicle:

.....

WHEREAS I have reasonable grounds to believe that you have committed the following offence under:

RULE 89-MOTOR VEHICLES (CONSTRUCTION AND USE) RULES 1959

Place of Offence:

Date:

Time:

Permissible Laden Weight:

Laden Weight Detected:

Amount and Percentage Over Weight:

Offence(s):

DRIVING OR PERMITTING TO BE DRIVEN A MOTOR VEHICLE WHICH THE LADEN WEIGHT OF THE MOTOR VEHICLE EXCEEDS THE MAXIMUM PERMISSIBLE LADEN WEIGHT

This is a compoundable offence and you may pay the compound of RM..... on or before




OR

If the compound is not paid within the given period, YOU ARE HEREBY ORDERED to appear in person or by counsel before the Court of a Magistrate at on time*am/pm.

FRONT

SIDES

REAR



Vehicle Weight Ticket/Certificate
Under paragraph 117(6)(b)
Road Transport Act 1987

SJ. HS-WiM:.....

Location of Weighing Lane:

Machine Serial No.:

Date of Calibration:

Date of Weighing:

Time of Weighing:

Vehicle Registration No.:

Trailer No.:

Laden Weight (License):

Vehicle Class:

Number of Axle(s) (Total Axle Weighed)	Axle Weight (KG)
Overall Laden Weight Recorded:	
Amount and Percentage Over Weight:	

License Reference No./License File:

Vehicle Type/Class:

Date of issue:

Time:

.....
*Director of Enforcement”.

Made 9 July 2025

[MOT.BD.(S).600-1/3/2 Jld. 2(10); PN(PU2)460/JLD.138]

LOKE SIEW FOOK
Minister of Transport